

06 JUL 1999

Fitnah

PETUGAS TANGANI FITNAH TURUN PADANG

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Jawatankuasa menangani fitnah Umno akan turun padang Jumaat ini bagi memberi ceramah dan penerangan ke arah menangkis fitnah terhadap parti itu dan kepimpinan kerajaan.

Pengarah operasi jawatankuasa itu Datuk Mohamad Zin Mohamed berkata sesi penerangan pertama akan diadakan di Seksyen 19, Shah Alam, dan antara penceramah adalah tokoh veteran Umno Tan Sri Abdul Aziz Tapa.

Beliau memberitahu pemberita di sini bahawa tindakan itu merupakan susulan kepada saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya satu jentera digerakkan untuk memperjelaskan ke peringkat akar umbi mengenai fitnah yang tersebar.

"Ia juga selaras dengan keputusan Majlis Tertinggi dalam mesyuaratnya semalam supaya penerangan dipertingkatkan," katanya.

Mohamad Zin berkata jawatankuasa itu telah menerima 174 pita rakaman fitnah terhadap kepimpinan kerajaan dan parti daripada bahagian dan cawangan Umno di seluruh negara.

Sebanyak 76 pita rakaman video dan kaset telah selesai diteliti dan daripada jumlah itu, tindakan undang-undang telah diambil berhubung 11 rakaman.

Sementara itu, satu laporan telah dibuat di Balai Polis Dang Wangi Jumaat lepas oleh Naib Ketua Umno Bahagian Mentakab Kamaruzaman Yaakob berhubung laporan majalah Panji Masyarakat yang menggunakan kenyataannya tanpa kebenaran dan merujuk kepadanya.

Kamaruzaman yang turut hadir dalam sidang berita hari ini, berkata tindakan itu merupakan satu fitnah dan penipuan oleh majalah itu terhadap dirinya kononnya dia "mempunyai semangat juang terhadap Saudara Anwar Ibrahim".

"Saya tidak pernah dikunjungi ataupun ditemuramah oleh penulis majalah itu," katanya.

--BERNAMA

JAI MAI